



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

**PEJABAT TIMBALAN MENTERI
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM MALAYSIA**

**PROGRAM DUTA MUDA ALAM MELAHIRKAN GENERASI MUDA SEBAGAI PENCETUS PERUBAHAN KE
ARAH MALAYSIA LESTARI**

TANGKAK, JOHOR 26 JUN 2026 - Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Tuan Syed Ibrahim Syed Noh menegaskan bahawa agenda kelestarian negara tidak akan berjaya sekiranya ia hanya digerakkan melalui dasar dan kempen kerajaan semata-mata. Sebaliknya, kejayaan sebenar bergantung kepada sejauh mana rakyat, khususnya generasi muda, diberi ruang untuk memimpin perubahan dari bawah.

Komitmen tersebut diterjemahkan menerusi Majlis Penutupan Kem Duta Muda Alam Daerah Tangkak yang disempurnakan beliau hari ini di Taman Negara Johor Gunung Ledang (Lagenda). Program ini menghimpunkan penyertaan wakil guru dan pelajar daripada 16 buah sekolah menengah di Daerah Tangkak sebagai kumpulan perintis Duta Muda Alam, sebelum mereka meneruskan pelaksanaan pelbagai projek amalan hijau di sekolah masing-masing sehingga Ogos 2026.

Bagi menyokong pelaksanaan projek tersebut, setiap sekolah turut menerima dana pelaksanaan sebagai pemangkin kepada inisiatif kelestarian yang akan digerakkan di peringkat sekolah. Pendekatan ini bertujuan memastikan idea dan perancangan yang dihasilkan oleh para peserta dapat diterjemahkan kepada tindakan sebenar yang memberi manfaat kepada warga sekolah dan komuniti setempat.

Beliau berkata Program Duta Muda Alam diwujudkan bukan sekadar untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu alam sekitar, tetapi bagi membentuk generasi muda yang mampu mencetuskan perubahan di sekolah, komuniti dan seterusnya menjadi pemimpin yang memahami bahawa pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar mesti bergerak seiring.

"Ramai bercakap tentang masa depan alam sekitar, tetapi masa depan itu sebenarnya sedang dibentuk oleh anak-anak muda hari ini. Sebab itu kita tidak mahu mereka hanya menjadi pendengar kepada isu kelestarian, tetapi menjadi individu yang menggerakkan penyelesaiannya," tambah beliau lagi.

Program Duta Muda Alam merupakan hasil kerjasama strategik antara Yayasan Hijau Malaysia, Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC), Centre for Education and Training in Renewable Energy, Energy Efficiency & Green Technology (CETREE), Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Tangkak.

Pendekatan yang diterapkan melalui Program Duta Muda Alam memberi penekanan kepada pembelajaran berasaskan tindakan, kepimpinan belia dan pelaksanaan projek sebenar di peringkat sekolah. Model ini berpotensi untuk diperluaskan ke lebih banyak sekolah dan daerah pada masa hadapan dalam usaha memperkukuh budaya kelestarian serta melahirkan lebih ramai generasi muda yang mampu menjadi pencetus perubahan di sekolah, komuniti dan negara.

**PEJABAT TIMBALAN MENTERI
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**